



Sebahagian pelajar UMS **membimbing murid sekolah** dalam aktiviti berkumpulan.



Penduduk ceria **menerima sumbangan pakaian terpakai**.

Sukarelawan UMS dekati masyarakat Pulau Banggi

B4 8.5.2014 V9

Kudat: Universiti Malaysia Sabah (UMS) terus mendekati masyarakat luar bandar bagi membantu menyemarakkan kesedaran mereka, khususnya ibu terhadap kepentingan pendidikan demi masa depan anak mereka.

Usaha Unit Penyelidikan Pendidikan Luar Bandar (UPPLB) dan Program Sarjana Pendidikan (Kurikulum), Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial (SPPS) dilaksanakan menerusi Program Retreat Maliyu

Banggi di Sekolah Kebangsaan Padang, Pulau Banggi di Kudat, baru-baru ini.

Lebih 200 peserta menyertai program empat hari itu terdiri daripada pelajar Sarjana Pendidikan UMS, Sukarelawan Persatuan Warga Prihatin Sabah (SUEC), warga pendidik dan murid daripada 10 sekolah serta masyarakat lima kampung sekitar Pulau Banggi.

Program kali kedua

Pelbagai aktiviti dianjurkan sepanjang program termasuk

Seminar Modul Nukleus untuk murid, Ceramah Pendidikan Lestari bagi memupuk minat dalam sains, matematik dan bahasa Inggeris selain acara sukan rakyat dan persembahan kebudayaan oleh peserta dan masyarakat setempat.

Ketua UPPLB UMS, Dr Khalid Johari, berkata pihaknya bekerjasama dengan pelbagai pihak bagi menjayakan program kemasyarakatan itu demi menyumbang kepada pembangunan pendidikan masyarakat luar bandar, selain memberi pendedahan

kepada pelajar dalam memberi khidmat bakti sebelum menamatkan pengajian.

"Ini kali kedua unit UPPLB UMS mengadakan program ini di Pulau Banggi selepas program sama dilaksanakan awal tahun ini berikutan keperluan untuk membolehkan lebih ramai anggota masyarakat serta kumpulan sasaran menyertainya," katanya.

Program itu turut mendapat kerjasama Jabatan Pendidikan Sabah, Pejabat Pendidikan Daerah Kudat, Biro Tatanegara serta Persatuan Wartawan Keningau (KJA).

Bimbining pendidikan

Dalam program itu, peserta turut mengambil kesempatan memberi bimbining terutama berkongsi pengalaman dan kemahiran pembelajaran dengan cara berkesan, seronok selain bertukar ilmu pe-

ngatuan dengan penduduk berhubung budaya dan keunikan masyarakat setempat.

Dr Khalid berkata, program itu juga memberi peluang kepada pelajar mendekati serta menyelami kehidupan masyarakat, terutama murid bagi memberi motivasi kepada mereka untuk belajar dengan tekun sekali gus mencapai keputusan yang baik dalam peperiksaan.

Pegawai Pelajaran Daerah Kudat, Azad Attar, menggesa ibu bapa sentiasa memantau pembelajaran anak mereka di rumah dan tidak hanya bergantung kepada guru semata-mata.

"Jika jalinan kerjasama ini berlaku dalam masyarakat, hala tuju pendidikan anak kita akan menampakkan hasil yang terbaik dan semua ini memberi kesan kepada masa depan sesebuah masyarakat dan keluarga," katanya.